

**BERTARIKH PADA .....**

**DI ANTARA**

.....  
**(No. KP: )**

**DAN**

**AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD  
(No. Syarikat: 47457-V)**

\*\*\*\*\*

**SURAT KUASA WAKIL**

\*\*\*\*\*

**AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD  
Tingkat 4, Balai PNB  
201-A, Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur**

**SURAT KUASA WAKIL**

**SURAT KUASA WAKIL** ini dibuat pada ..... oleh  
.....(No. KP .....)  
yang beralamat di:

.....  
.....  
.....  
.....

(selepas ini dirujuk sebagai “Pemberi Kuasa”) bagi tujuan **Hibah Amanah** yang telah ditandatangani dan / atau dicap ibu jari kiri oleh Pemberi Kuasa

DAN

Amanah Saham Nasional Berhad (No. Syarikat: 47457-V) yang mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 4, Balai PNB, 201-A, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur (selepas ini dirujuk sebagai “ASNБ” atau “Penerima Kuasa”) bagi pihak yang lain.

**BAHAWASANYA:**

- A. Pemberi Kuasa adalah pemegang unit berdaftar kepada tabung unit amanah yang diuruskan oleh ASNБ (selepas ini disebut sebagai “Harta Hibah”).
- B. Pemberi Kuasa telah menyempurnakan pengisytiharan Hibah Amanah dan Surat Ikatan Hibah Amanah bertarikh ..... dan Surat Ikatan Hibah Amanah Tambahan (jika ada) bagi tujuan menghibah Harta Hibah kepada individu-individu yang dinamakan di dalam pengisytiharan Hibah Amanah dan Surat Ikatan Hibah Amanah tersebut dan Surat Ikatan Hibah Amanah Tambahan (jika ada).
- C. Pemberi Kuasa dengan ini melantik dan menamakan ASNБ sebagai wakil Pemberi Kuasa yang sah atas namanya dan bertindak bagi pihaknya atau sebaliknya untuk menjalankan tujuan-tujuan seperti berikut yang akan dinyatakan.
- D. Surat Kuasa Wakil ini menjadi sebahagian daripada dokumen Hibah Amanah bagi Harta Hibah dan hendaklah diambil, dibaca dan ditafsirkan bersama pengisytiharan Hibah Amanah dan Surat Ikatan Hibah Amanah bertarikh ..... dan Surat Ikatan Hibah Amanah Tambahan (jika ada).

**MAKA, SURAT KUASA WAKIL INI MENYAKSIKAN** Pemberi Kuasa DENGAN INI MELANTIK SECARA TAK BOLEH BATAL Penerima Kuasa dan pegawai-pegawainya sebagai wakil yang sah atas namanya dan bertindak bagi pihaknya atau sebaliknya untuk tujuan-tujuan berikut:

- (1) Untuk menuntut Harta Hibah yang tertakluk kepada Hibah Amanah di bawah pengisytiharan Hibah Amanah dan Surat Ikatan Hibah Amanah bertarikh ..... dan Surat Ikatan Hibah Amanah Tambahan (jika ada) selepas kematian saya.
- (2) Untuk melaksanakan apa-apa tindakan, perkara dan / atau apa-apa sahaja hal yang lain bagi pihak Pemberi Kuasa berhubung dengan Harta Hibah.
- (3) Untuk melaksanakan segala tindakan, perkara dan menandatangani serta menyempurnakan segala dokumen yang dikira perlu dan / atau wajar oleh Penerima Kuasa untuk menyebabkan penjualan, pindahmilik atau apa-apa transaksi berkenaan Harta Hibah sebagai terlaksana dengan sepenuh dan selengkapnya seperti yang dilakukan oleh Pemberi Kuasa sekiranya dia hadir sendiri.
- (4) Mengganti dan melantik dari semasa ke semasa seorang atau lebih wakil dengan kuasa yang sama atau kuasa yang terhad dan pengganti wakil tersebut pada kehendaknya boleh menyingkir wakil lain dan melantik orang lain sebagai ganti mereka.
- (5) Menyebabkan Surat Kuasa Wakil ini didaftarkan di pejabat pendaftaran Mahkamah Tinggi Malaya.

Pemberi Kuasa dengan ini bersetuju dan berakujanji untuk meratifikasi dan mengesahkan apa-apa sahaja yang Penerima Kuasa lakukan atau menyebabkannya dilakukan sebagai sah oleh sebab Surat Kuasa Wakil ini.

Pemberi Kuasa dengan ini selanjutnya bersetuju dan berakujanji bahawa dengan Surat Kuasa Wakil ini, apa-apa sahaja surat kuasa wakil, pihak berkuasa dan kebenaran lain (jika ada) yang diberikan kepada mana-mana pihak lain sebelum Surat Kuasa Wakil ini adalah dengan ini terbatal dengan serta merta.

Pemberi Kuasa dengan ini mengisytiharkan bahawa Surat Kuasa Wakil ini dibuat dengan balasan berharga dan berikrar, mengaku dan mengesahkan bahawa perlantikan Penerima Kuasa adalah tak boleh batal dan kekal wujud walaupun kematian dan ketidakupayaan Pemberi Kuasa dan mempunyai kesan sepenuhnya selagi Pemberi Kuasa masih menjadi pemilik berdaftar Harta Hibah.

Pemberi Kuasa telah menurunkan tandatangan dan / atau cap ibu jari kiri di sini pada hari, bulan dan tahun mula-mula tertulis di atas.

Ditandatangani dan / atau dicap ibu jari kiri )  
Oleh Pemberi Kuasa di atas )  
)  
)  
) .....  
) Nama:  
) No. KP:

**PENGESAHAN SURAT KUASA WAKIL**

Saya, .....,  
seorang Majistret / Jaksa Pendamai / Pentadbir Tanah / Notari Awam / Pesuruhjaya  
Sumpah / Peguam Bela dan Peguam Cara Mahkamah Tinggi Malaya , bertugas di  
.....dengan ini mengesahkan bahawa  
tandatangan dan / atau cap ibu jari kiri Pemberi Kuasa di atas telah dituliskan dan / atau  
diturunkan di hadapan saya pada ..... dan pada pengetahuan peribadi  
saya adalah tandatangan dan / atau cap ibu jari kiri yang benar bagi  
..... (No. KP: .....)  
yang telah mengaku kepada saya bahawa beliau adalah cukup umur dan beliau telah  
dengan sukarela dan suci hatinya sendiri dan faham sepenuhnya terma-terma yang  
terkandung di dalam Surat Kuasa Wakil ini dan telah menyempurnakan Surat Kuasa  
Wakil ini.

Di hadapan saya,

.....  
Tandatangan, Nama dan Cop Rasmi